

**ANIH BERHAD JANGKAKAN 70 PERATUS LONJAKAN TRAFIK SEMASA CUTI
AIDILADHA***Saran Perjalanan Selamat, Pertemuan Lebih Bermakna*

KUALA LUMPUR, 26 JUN 2023– ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) hari ini mengeluarkan Cadangan Jadual Perjalanan (TTA) meliputi tempoh dari 27 Jun sehingga 2 Julai 2023 bertujuan membantu pengguna jalan raya mengetahui maklumat penting mengenai corak aliran trafik bagi pengguna yang merancang perjalanan semasa musim perayaan Aidiladha.

Pengguna jalan raya dijangka berhadapan dengan trafik yang padat menuju ke Pantai Timur semasa hari puncak dari 27 hingga 28 Jun 2023. Begitu juga, trafik yang padat dijangka menghala ke Kuala Lumpur pada 1 dan 2 Julai 2023. Oleh itu, perkongsian maklumat penting daripada ANIH Berhad ini, membantu memastikan pengalaman perjalanan yang lebih lancar, selamat, selesa dan efisien untuk semua.

"Kami menjangkakan lonjakan trafik yang signifikan semasa musim perayaan ini dengan lebih 1 juta kenderaan dijangka menggunakan KLK, iaitu jangkakan peningkatan sebanyak 70 peratus kenderaan. Selain itu, lebih kurang 430 ribu kenderaan dijangka melalui ECE1, dengan anggaran peningkatan sebanyak 60 peratus," menurut Imran Gulcharan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif ANIH Berhad.

"CutI perayaan yang bersambung dengan cuti hujung minggu ini merupakan peluang berharga untuk bersama keluarga dalam tempoh lebih lama. Kami menggalakkan semua pengguna jalan raya untuk mengikuti panduan TTA bagi memastikan perjalanan yang lebih lancar dan selesa," tambah Imran.

Sebagai usaha mengurangkan kesesakan pada musim perayaan ini, ANIH Berhad akan menambah bilangan kakitangan sokongannya sehingga 20 peratus, yang terdiri daripada petugas di plaza tol, pasukan LPT Ronda dan pasukan pusat kawalan trafik (TCC) serta menempatkan seramai lebih daripada 170 anggota RELA di kawasan strategik di sepanjang lebuhraya bagi memastikan kelancaran trafik sepanjang tempoh tersebut. ANIH juga membuat persediaan untuk membuka lorong kontra di lokasi yang sesak dan bersesuaian serta lorong tambahan tol bagi transaksi secara manual.

Sebelum memulakan perjalanan, pengguna jalan raya dinasihati untuk memastikan baki yang mencukupi dalam e-dompet (e-Wallet) dan Touch 'n Go bagi mengelakkan kesulitan di plaza tol yang boleh menyebabkan kelewatan perjalanan.

"Kami menyarankan agar pengguna lebuhraya sentiasa memberi keutamaan kepada keselamatan dan amalkan pemanduan berhemah. Gunakan Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) atau hentian sebelah bila perlu. Patuhi tanda-tanda jalan, had laju, dan arahan daripada pegawai lebuhraya untuk memastikan keselamatan dan keselesaan yang terjamin," tambah Imran.

ANIH Berhad komited meningkatkan kemudahan dan keselamatan pengguna jalan raya sepanjang musim perayaan ini. TTA merupakan panduan penting bagi membolehkan mereka merancang perjalanan dengan lebih baik dan mengurangkan kemungkinan kelewatan. Dapatkan maklumat terkini, rancang awal, dan nikmati pengalaman perjalanan yang lancar dan selamat sampai ke destinasi bersama kami.

Untuk informasi tepat dan terkini, pengguna dinasihati untuk mengikuti akaun Facebook rasmi @Lebuhraya Pantai Timur dan akaun Twitter @LPTTrafik serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), @llmtrafik. Sekiranya berlaku kecemasan, hubungi LPT-Line di 1-700-818-700 atau talian Lembaga Lebuhraya Malaysia di 1800-88-7752.

-TAMAT-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad ialah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang ke Jabor di KM 250.6 Terengganu, LPT memendekkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar utama di sebelah Pantai Timur khususnya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diuruskan oleh Kumpulan MTD.

Hubungi :

Noorfarizan Lod
Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
communications@mtdgroup.com.my

MEDIA STATEMENT

FOR IMMEDIATE RELEASE

ANIH BERHAD ANTICIPATES 70% TRAFFIC BOOST AMID AIDILADHA FESTIVE SEASON

Promoting Safe Travels and Memorable Family Reunions

KUALA LUMPUR, 26 June 2023 – ANIH Berhad, the highway operator of the Kuala Lumpur-Karak Expressway (KLK) and the East Coast Expressway (ECE1), has issued its' Travel Time Advisory (TTA) to assist road users in planning their journeys for the upcoming Aidiladha festive season. This advisory, covering the period from 27th June to 2nd July, aims to equip road users with invaluable insights into specific traffic flow patterns.

Road users can anticipate heavy traffic towards the East Coast, with the peak period expected to be from 27th to 28th June 2023. Similarly, heavy traffic is foreseen heading towards the West on the 1st and 2nd of July 2023. By providing this crucial information, the TTA strives to ensure a smoother and more efficient travel experience for all.

"We expect a significant surge in traffic during the festive season with over 1 million vehicles projected to utilise the KLK, representing a remarkable 70% increase. Additionally, approximately 430 thousand vehicles are anticipated to travel via the ECE1, experiencing a substantial 60% rise," revealed Imran Gulcharan Abdullah, Chief Executive Officer of ANIH Berhad.

"As the holiday period presents an ideal opportunity for families to reunite, we strongly urge all road users to adhere to the TTA guidelines, ensuring a smoother and more enjoyable journey," Imran emphasised.

To alleviate traffic congestion during this festive period, ANIH Berhad has increased its staff by up to 20%. This includes additional personnel at toll plazas, LPT Ronda teams, Traffic Control Centre (TCC), and the deployment of more than 170 RELA officials at strategic locations along the highways. ANIH Berhad will activate extra toll lanes for manual transactions and implement contra-flow measures at appropriate locations if necessary. Road users are advised to ensure sufficient balance in their E-wallets and Touch 'n Go, prior to their journey to avoid interruptions at toll plazas, which could result in inconvenience or delays.

"We strongly emphasise the importance of prioritising safety while traveling. Utilize Rest Stops Areas and Laybys for refueling and taking essential breaks. Adhere to road signs, speed limits, and instructions from our dedicated highway officers to ensure utmost safety and comfort," added Imran.

ANIH Berhad remains committed to enhancing road user convenience and safety during this festive season. The TTA serves as a vital tool for travelers, enabling them to plan their journeys effectively and mitigate potential delays. Stay informed, plan ahead, and enjoy a seamless travel experience with us.

For accurate and updated information, users are advised to follow the official Facebook-Lebuhraya Pantai Timur and Twitter accounts - @LPTTrafik and The Malaysian Highway Authority (LLM), @llmtrafik. In case of emergencies, users can contact the LPT-Line at 1-700-818-700 or the Malaysian Highway Authority's hotline at 1800-88-7752.

-END-

About ANIH Berhad

ANIH Berhad is the concessionaire holder of the East Coast Highway (ECE) which encompasses the Kuala Lumpur-Karak Highway (KLK) and East Coast Highway Phase 1 (ECE1). Beginning from Gombak at KM 19.2 Klang Valley to Jabor at KM 250.6 Terengganu, the East Coast Expressway shortens travel time from Klang Valley to the main cities in the East Coast, especially Kuantan. Toll operations and the implementation of ANIH Berhad highway networks are managed by MTD Group.

Media Contact

Noorfarizan Lod
Head, Group Corporate Communications
communications@mtdgroup.com.my